

PPA1M bukti kerajaan peka kesusahan penjawat awam

Kuala Lumpur: Penjawat awam digesa segera merebut peluang untuk memiliki kediaman sendiri selepas kerajaan mengumumkan kelulusan kira-kira 82,012 unit rumah Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia

24/8
(PPA1M) di seluruh negara.

Pengumuman itu dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam catatan Facebook dan Twitternya, kelmarin.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk

Azih Muda, berkata tindakan melengahkan pembelian rumah dikhawatiri akan mengakibatkan harganya berubah lebih tinggi berbanding antara RM90,000 dan RM300,000 ketika ini.

Katanya, komitmen kerajaan ini harus dipuji kerana ia bukti

bahawa setiap kesusahan penjawat awam sentiasa diambil peduli.

"Saya menyeru penjawat awam mengambil peluang ini. Tidak susah, hanya layari laman web www.ppa1m.gov.my untuk memohon.

"Kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) harus diberi peluang memiliki rumah idaman mereka. Tetapi ini tidak bermakna kumpulan berpendapatan 40 peratus sederhana (M40) akan dipinggirkan. Skim ini diharap dapat seimbangkan keperluan kumpulan berkenaan," katanya ketika dihubungi BH, semalam.